

**SIARAN AKHBAR**

**Untuk siaran serta merta**

**25 November 2014**

**AKTIVITI PELUPUSAN EKUINAS BERJALAN LANCAR DAN MENJANA  
NILAI TAMBAHAN**

**Fakta Utama: -**

- Ekuinas mengumumkan hasil realisasi pelaburannya akibat Tawaran Awam Awal (IPO) Icon Offshore Bhd (ICON) pada bulan Jun 2014. Ekuinas menjana hasil sejumlah RM545.4 juta dan keuntungan direalisasi sebanyak RM332.7 juta dalam dua dana, bersamaan IRR kasar sebanyak 68.0% dan 2.6 kali modal dilabur. Ekuinas masih memiliki baki kepentingan 42.3% dalam ICON yang juga menyediakan keuntungan tambahan tidak direalisasi dan terus memberi tumpuan kepada usaha mewujudkan nilai jangka panjang dalam ICON.
- Ekuinas turut mengumumkan penstrukturkan semula portfolio F&Bnya dengan meninggalkan segmen restoran sajian segera (QSR) melalui pelupusan keseluruhan portfolio BURGER KING® berjumlah RM95.0 juta kepada sebuah konsortium Bumiputera yang diterajui oleh Brahim's Holdings Berhad (Brahim's).
- Aktiviti ini adalah untuk membolehkan Ekuinas dan syarikat F&Bnya, Integrated Food Group Sdn Bhd (IFG) memberi tumpuan sepenuhnya kepada segmen restoran makanan kasual dan francais manisan dan minuman di bawah pelbagai jenama seperti Tony Roma's, Manhattan Fish Market dan Coolblog yang mempunyai perolehan gabungan sebanyak RM280.1 juta dengan 443 cawangan di Malaysia dan seluruh rantau ini.

**KUALA LUMPUR, 25 November 2014:** Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas), syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan, hari ini mengumumkan aktiviti pelupusannya sedang berjalan lancar dan menjana nilai yang tinggi. Ekuinas mengumumkan butiran pelupusan sebahagian daripada kepentingannya dalam syarikat portfolionya Icon Offshore Berhad (ICON) akibat IPO syarikat tersebut pada bulan Jun 2014, di mana ia menjana pendapatan kasar sejumlah RM545.4 juta dan keuntungan yang direalisasi sebanyak RM332.7 juta dalam dua dana. Ini bersamaan dengan kadar pulangan dalaman kasar (IRR) sebanyak 68.0 % atau 2.6 kali ganda modal yang dilaburkan.

Usaha IPO ICON telah dilaksanakan selepas Ekuinas berjaya menggabungkan dua syarikat portfolionya, Tanjung Kapal Services Sdn Bhd (TKS) dan OMNI PetroMaritime Sdn Bhd yang menjadi syarikat portfolio pelaburan Ekuinas pada tahun 2010 dan 2012. ICON telah berjaya

disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia pada bulan Jun 2014 dengan pendapatan lebih RM300 juta dan keuntungan bersih diselaraskan sebanyak RM90 juta, dengan permodalan pasaran di IPO mencecah RM2.1 bilion. Selepas IPO, Ekuinas masih memiliki 42.3% kepentingan ekuiti dalam ICON yang bakal menawarkan keuntungan masa hadapan yang boleh direalisasikan. Ekuinas kekal sebagai pemegang saham aktif dalam ICON dan terus memberi tumpuan kepada usaha-usaha untuk mewujudkan nilai jangka panjang bagi syarikat terkemuka kapal sokongan luar pesisir (OSV) Malaysia ini.

Ekuinas turut mengumumkan bahawa ia sedang menjalankan aktiviti penstruktur semula komprehensif portfolio F&Bnya dengan meninggalkan segmen restoran sajian segera (QSR) melalui pelupusan keseluruhan kepentingannya dalam portfolio BURGER KING® yang meliputi Malaysia dan Singapura. Ekuinas memperoleh kepentingan sebanyak 95% dalam BURGER KING® Malaysia dan mengambil alih kepentingan 100% dalam BURGER KING® Singapura secara progresif pada tahun 2011 dan 2012.

Keputusan untuk menstruktur semula portfolio F&B dibuat selepas menjalankan kajian terperinci mengenai portfolio F&B Ekuinas dan mengambil kira bahawa perniagaan QSR memerlukan pelaburan kewangan tambahan serta keupayaan operasi untuk mengembangkan lagi rangkaian cawangan untuk mencapai keuntungan perniagaan. Pelaksanaan penstruktur semula portfolio akan membolehkan Ekuinas dan syarikat F&Bnya, Integrated Food Group Sdn Bhd (IFG) memberi tumpuan khusus serta mengembangkan segmen restoran makanan kasual dan francais manisan dan minuman di bawah pelbagai jenama seperti Tony Roma's, Manhattan Fish Market dan Coolblog.

Sehubungan itu, Ekuinas hari ini mengumumkan bahawa ia telah memeterai satu Perjanjian Penjualan Saham dengan konsortium Bumiputera yang diterajui oleh Brahim's Holdings Berhad (Brahim's) bagi pelupusan keseluruhan portfolio BURGER KING® pada nilai RM95 juta. Konsortium tersebut telah dipilih berdasarkan merit selepas proses penjualan yang menyeluruh dilaksanakan, di mana proses tersebut telah menarik minat empat (4) pihak tempatan dan antarabangsa. Konsortium tersebut telah mengemukakan tawaran terbaik dan paling kompetitif dari segi harga, sumber kewangan, keupayaan operasi dan kemampunan objektif sosial, termasuk pemilikan Bumiputera. Pemilihan itu juga dibuat selepas Konsortium tersebut menerima sokongan dan kelulusan pihak BK Asiapac, Pte. Ltd., iaitu pemegang Francois global BURGER KING® di rantau Asia Pasifik.

Pelupusan ini merekodkan pulangan IRR negatif sebanyak 21.0% dan jumlah pelaburan diterima balik sebanyak 0.64 kali ganda modal yang telah dilabur menerusi dua dana.

Pengerusi Ekuinas, Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda berkata, "Kami gembira Ekuinas telah berjaya memudah cara penyenaraian pertama syarikat portfolionya melalui ICON, dan menjana jumlah nilai yang besar. Ekuinas akan terus memberi tumpuan kepada usaha mewujudkan nilai jangka panjang untuk ICON bagi memastikan pertumbuhan berterusan syarikat OSV terkemuka Malaysia itu."

"Pada masa yang sama, pelupusan portfolio BURGER KING® akan membolehkan jenama tersebut terus berkembang bersama rakan kongsi jangka panjang yang mempunyai kewangan yang kukuh dan kepakaran operasi yang diperlukan oleh jenama ikonik tersebut," tambah Raja Tan Sri Arshad dengan lagi.

"Kami gembira dengan komitmen dan usaha yang telah dipamerkan oleh Ekuinas untuk BURGER KING® Singapura dan Malaysia sejak tiga tahun lepas yang telah berjaya membawa perniagaan tersebut ke peringkat ini," kata Elias Diaz Sese, Presiden, BK Asiapac, Pte. Ltd. "Kami teruja dengan peluang yang tersedia dalam kedua-dua pasaran dan berharap untuk bekerjasama dengan Konsortium yang diterajui oleh Brahim's untuk terus mengembangkan rangkaian jenama BURGER KING® di Singapura dan Malaysia untuk tahun-tahun akan datang," kata Elias Diaz Sese.

Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, Dato' Abdul Rahman Ahmad berkata, "Kami gembira kerana setelah lima tahun beroperasi, aktiviti pelupusan kami kini berjalan dengan lancar dan merealisasikan pulangan. Pelaksanaan penstrukturran semula bagi portfolio F&B Ekuinas akan membolehkan kami mengembangkan lagi perniagaan restoran makanan kasual kami iaitu Tony Roma's, Manhattan Fish Market dan jenama yang baru sahaja dilancarkan iaitu New York Steak Shack, serta memberi tumpuan kepada pengembangan rangkaian CoolBlog."

Secara kolektif, jenama restoran makanan kasual dan francais manisan dan minuman di bawah IFG mempunyai perolehan bergabung sebanyak RM280.1 juta dan kini mempunyai 443 cawangan di Malaysia dan seluruh rantau ini. Tambahan lagi, semua jenama ini mencatatkan keuntungan dan kini menjana EBITDA sebanyak RM26.0 juta dan keuntungan selepas cukai sebanyak RM9.8 juta bagi tahun berakhir 31 Disember 2013.

Dengan pengumuman aktiviti pelupusan pada hari ini, Ekuinas akan mengumpul kutipan perolehan berjumlah RM640.4 juta selepas proses pelupusan dimuktamadkan dan dijangka akan terus mencatatkan prestasi kewangan yang memberansangkan untuk tahun semasa. Ekuinas dijangka mengumumkan laporan kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 pada April 2015, selaras dengan dasar pendedahan maklumat syarikat.

###

#### **Mengenai Ekuinas**

Ekuinas (Ekuiti Nasional Berhad) ialah sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan yang ditubuhkan pada 1 September 2009. Berbekalkan peruntukan RM5 bilion daripada Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 dan Rancangan Malaysia ke-10, Ekuinas berhasrat melahirkan syarikat terkemuka generasi baharu di Malaysia sambil menggalakkan penyertaan ekonomi Bumiputera yang saksama, berkesan dan berdaya maju. Setakat ini, Ekuinas telah melabur dalam syarikat Malaysia berpotensi tinggi yang terlibat dalam bidang barang pengguna laris, minyak dan gas, logistik, pendidikan dan peruncitan.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Adli Abdul Karim, Weber Shandwick, [AAbdulKarim@webershandwick.com](mailto:AAbdulKarim@webershandwick.com) (03) 6209 5222  
Hairuddin Mohd Noh, Weber Shandwick, [HMohdNoh@webershandwick.com](mailto:HMohdNoh@webershandwick.com) (03) 6209 5241